



فكاواي كأواغن نكري ترغكانو
**PEGAWAI KEWANGAN
NEGERI TERENGGANU**

PERB.TR.U/16/12/01/1- (9)
8 Mac 2021
24 Rejab 1442

Semua Ketua Jabatan Negeri Terengganu

YB Dato'/YM.Tengku/Tuan/Puan,

**PEMBAYARAN DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a)- KELULUSAN KHAS
PEGAWAI KEWANGAN NEGERI**

Dengan hormatnya saya diarah merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana sedia maklum, tarikh akhir bayaran dan penutupan Akaun Bagi Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2020 adalah pada 17 Disember 2020 dan tarikh akhir permohonan kelulusan pembayaran AP58(a) daripada PTJ kepada Bendahari Negeri adalah pada 21 Februari 2021. Bagi pembayaran yang tidak sempat diselesaikan selepas tempoh tersebut, PTJ boleh memohon kelulusan pembayaran di bawah AP58(a) - Kelulusan Khas Pegawai Kewangan Negeri.

3. Berdasarkan kepada pemerhatian audit terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Terengganu Tahun 2020, didapati permohonan bagi pembayaran di bawah AP58(a) – Kelulusan Khas Pegawai Kewangan Negeri telah menjadi teguran isu berulang oleh pihak Jabatan Audit Negara. Tuntutan/bil sepatutnya boleh diselesaikan setelah selesai perolehan/program tanpa melangkau tahun kewangan semasa.

4. Sehubungan dengan itu, Perbendaharaan Negeri bersetuju semua permohonan pembayaran di bawah AP58(a) – Kelulusan Khas Pegawai Kewangan Negeri hendaklah diselesaikan sebelum atau pada **30 Jun 2021**. Sebarang permohonan selepas daripada tarikh tersebut yang tidak mempunyai justifikasi dan alasan kukuh tidak akan dipertimbangkan dan hendaklah diuruskan di bawah Arahan Perbendaharaan 59 (AP59).

5. Diharap semua Pegawai Pengawal dapat memainkan peranan masing-masing bagi memastikan perbelanjaan awam dilakukan mengikut peraturan kewangan yang berkuatkuasa. Pegawai Pengawal juga hendaklah memberi perhatian serius terhadap teguran audit yang dibangkitkan.

Sekian, terima kasih.

“TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA”
“PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID 19”
“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,




(DATO' HAJI ZAINAL ABIDIN BIN HUSSIN)
Pegawai Kewangan Negeri
Terengganu

“ Berbelanja Berhemat, Membawa Keberkatan ”

s.k. Bendahari Negeri
Terengganu.

Pengarah Audit Negeri
Terengganu.

Fail Timbul

 09-6276283
 najid@terengganu.gov.my

Pekeliling/ Arahan Pematuhan

PERB.TR.U/16/12/01/1- (9)